

## MEMPERKUKUH PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI PENGHELA DAN WAHANA TEKNOLOGI

*Profesor Madya Dr Hj Zohrah Haji Sulaiman*  
(Brunei Darussalam)

### Abstrak

Dasar pendidikan negara dan institusi pengajian tinggi awam tempatan dilihat berperanan dalam memperkukuh bahasa Melayu melalui kurikulum dan penggunaan peralatan teknologi. Dasar pendidikan telah mengalami beberapa perubahan secara berperingkat berpandukan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, falsafah negara (MIB) dan pembangunan sumber tenaga manusia. Ini termasuk merancang menyatupadukan semua sekolah-sekolah kepada satu aliran yang mana bahasa pengantar utamanya adalah bahasa Melayu pada tahun 1962, Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa pada tahun 1984 dan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN-21) pada tahun 2008. Matlamat SPN-21 adalah untuk membangun rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, sejajar dengan kehendak Wawasan 2035.

Institusi pengajian tinggi awam tempatan juga perlu membuat perubahan agar ia sejajar dengan keperluan pembelajaran abad ke-21, misalnya Institut Teknologi Brunei (ITB) mempunyai visi untuk menjadi diantara sepuluh universiti kejuruteraan dan teknologi yang terbaik di Asia Tenggara menjelang tahun 2018. Dari itu, semakan senarai amalan terbaik institusi pengajian tinggi pada peringkat global adalah perlu bagi ITB mencapai visi tadi, yang mana diantaranya adalah perakuan akreditasi daripada badan profesional, pengambilan staf akademik yang berkaliber tinggi, penyelidikan bersama rakan kongsi dari universiti terkemuka dan penarikan pelajar pasca ijazah. Semua ini memerlukan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kalau di lihat dari sejarah ITB, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sudah bermula sejak penubuhannya. Kini ia digunakan pada semua program ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Perdagangan. Menerapkan dan memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu dalam institusi pengajian tinggi awam yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah terhad. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu masih digunakan oleh kursus tertentu seperti Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga digunakan sepenuhnya didalam program ijazah Sarjana Muda aliran Melayu dan Ugama. Selain mengisi perisian program ijazah aliran Melayu melalui alat teknologi, institusi pengajian tinggi awam tempatan masih boleh memperluaskan peranan bahasa Melayu melalui dasarperaturan dalmannya seperti mewajibkan abstrak tesis di tulis dalam bahasa Melayu dan di simpan dalam bentuk media elektronik di perpustakaan atau sebahagian dari pertukaran ilmiah di antara perpustakaan di rantau ini. Penulisan abstrak didalam bahasa Melayu disamping bahasa Inggeris bukanlah suatu yang baru, malah telah di amalkan oleh universiti-universiti di Malaysia. Di luar kurikulum pula, aktiviti bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk membudayakan bahasa Melayu boleh dianjurkan seperti perdebatan sains semasa, sudut pidato sains, pertandingan reka cipta, kelab bahasa Melayu, sains dan teknologi, dan kursus pilihan bahasa Melayu (elektif) bagi pelajar sains dan teknologi.



Sebenarnya bahasa Melayu berpeluang untuk diperluaskan melalui teknologi maklumat. Ledakan teknologi maklumat sejak tahun 1990-an telah menjadikan internet sebagai satu saluran komunikasi yang pantas, merentas sempadan. Cara penyampaian dan penangkapan maklumat telah berubah dan menjadi peranan penting dalam pendidikan. Melalui teknologi canggih, perluasan penggunaan bahasa Melayu boleh dikembangkan melalui media elektronik, media sosial dan sebagainya.

Walaupun disedari bahawa memiliki kepetahan bercakap dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah satu kelebihan kerana ia bersifat lebih global dan berstatus sebagai bahasa perantaraan atau "*lingua franca*".

Kertas ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai kesan dasar pendidikan negara, pendidikan sains dan teknologi, pengaruh bahasa Inggeris, peranan dan cabaran institusi pengajian tinggi awam tempatan serta cadangan didalam memperluas dan memperkukuh bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi untuk generasi yang akan datang.

## Pengenalan

Bahasa Melayu/Indonesia adalah bahasa keempat di dunia yang mempunyai lebih 300 juta penutur ([http://e.n.wikipedia.org/wiki/bahasa\\_melayu](http://e.n.wikipedia.org/wiki/bahasa_melayu)), iaitu dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa-bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Hindi/Urdu.

Asal usul bahasa Melayu adalah dari sejenis bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia, dan persekitarannya sejak melebihi 1,000 tahun lalu. Pertumbuhan bahasa Melayu dapatlah dikatakan berasal dari Sumatera Selatan di sekitar Jambi dan Palembang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004). Rekod terawal bahasa Melayu Kuno ialah sebuah batu bersurat bertarikh 682 Masihi yang dijumpai di Sumatera Selatan. Manakala bukti konkrit yang pertama mengenai bentuk dan sifat bahasa Melayu adalah setahun selepas itu (Nik Safiah dan lain lain, 2006).

Penutur bahasa Melayu di rantau ini adalah dari negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Indonesia menamakan bahasa Melayu sebagai bahasa Indonesia, dimana ia berjaya menjadi bahasa perpaduan dan perantaraan atau "*lingua franca*" untuk rakyatnya. Menurut Kamus Dewan (1992) "*lingua franca*" bermaksud bahasa yang digunakan sebagai bahasa perantaraan. Bahasa Indonesia menjadi bahasa rasmi Republik Indonesia pada tahun 1945 selepas mendapat kemerdekaan dari pihak Belanda. Nama bahasa Melayu tidak berubah bagi negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara Malaysia sejak tahun 1968. Manakala bahasa Melayu di Singapura adalah bahasa kebangsaan dan salah satu bahasa rasmi di samping bahasa Inggeris, Cina dan Hindi.

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959 Bab 82 (i) iaitu "bahasa rasmi negara ialah bahasa Melayu." Ia digunakan dalam persuratan dan



majlis rasmi kerajaan. Rakyat dan penduduk Brunei menggunakan loghat Melayu Brunei sebagai alat pertuturan dan perbualan. Bahasa Melayu adalah simbol perpaduan rakyat dan penduduk Brunei yang berbilang puak dan kaum. Walaupun bahasa Melayu diutamakan dalam dasar pendidikan dan pentadbiran negara, bahasa Inggeris masih digunakan secara meluasnya. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di Negara Brunei Darussalam dilihat sebagai satu keperluan untuk membangun rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi sejajar dengan Wawasan 2035.

Setakat ini hanya bahasa Indonesia sahaja di Nusantara, yang mana biasa dipanggil dengan nama alam Melayuyang berjaya memperkasa bahasa Melayu dan memanfaatkan kecanggihan teknologi maklumat untuk tujuan itu. Ini termasuk dalam pendidikan sains dan teknologi dimana penggunaan bahasa Indonesia bermula dari peringkat sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi. Manakala penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk penghela dan wahana teknologi adalah terhad di Negara Brunei Darussalam kerana pengaruh bahasa Inggeris yang meluas.

Pengaruh bahasa Inggeris dan peranan teknologi maklumat akan dibahas kerana ia memberi kesan kepada penggunaan bahasa Melayu di Negara ini. Ledakan teknologi dan kepentingan internet tidak digunakan sepenuhnya untuk memperkasa penggunaan bahasa Melayu, apatah lagi bagi tujuan penghela dan wahana teknologi. Fenomena seperti ini mungkin juga berlaku di negara lain.

Justeru, makalah ini akan mengupas latar belakang dasar pendidikan Negara Brunei Darussalam, peranan pendidikan teras dan pengajian tinggi dalam memperkukuh bahasa Melayu. Pendidikan formal Negara Brunei Darussalam termasuk sejarah penggunaan bahasa Melayu, pendidikan sains dan teknologi, institusi pengajian tinggi awam, pengaruh bahasa Inggeris, peranan dan cabaran institusi pengajian tinggi awam tempatanserta cadangan untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi. Teknologi yang dimaksudkan disini adalah bidang sains, pengkomputeraan, perdagangan dan kejuruteraan. Manakala contoh yang akan diambil adalah dari ITB sebagai salah satu Institusi di negara ini yang menawarkan bidang sains, teknologi (pengkomputeraan dan perdagangan) dan kejuruteraan.

## **Pendidikan Negara Brunei Darussalam**

### *Dasar Pendidikan dan Pendidikan Formal*

Halaman ini akan membincangkan mengenai dasar pendidikan dan pendidikan formal Negara Brunei Darussalam. Perkembangan pendidikan formal Negara Brunei Darussalam disokong oleh dasar pendidikan yang berkuat kuasa. Dasar pendidikan dikembangmajukan mengikut peredaran zaman dan kehendak negara dalam membangun sumber tenaga manusia.



Pendidikan formal Negara Brunei Darussalam bermula pada zaman pemerintahan Sultan Muhamamad Jamalul Alam (1906-1924) dan sekolah pertama ditubuhkan pada tahun 1914 adalah Sekolah Melayu Pekan Brunei.

Seawal tahun 1929, enakmen kehadiran sekolah diperkenalkan, kanak-kanak lelaki Melayu yang berumur 7 hingga 14 tahun dan tinggal dalam lingkungan dua batu dari Sekolah Melayu Bandar Brunei diwajibkan bersekolah. Setahun selepas itu (1930), sekolah untuk pelajar-pelajar perempuan dibuka di Bandar Brunei. Pendidikan agama Islam diajarkan secara formal di Sekolah Melayu Bandar Brunei pada tahun 1931. Pada tahun yang sama, pendidikan Islam diajarkan melalui pendidikan formal sebagai satu mata pelajaran di Sekolah Melayu di Bandar Brunei. Pada tahun 1936, sekolah Inggeris pertama swasta dibuka, yang ditubuhkan oleh British Malayan Petroleum Company di Kuala Belait.

Pada tahun 1939, enakmen kehadiran sekolah dilaratkan ke seluruh negeri, di mana kanak-kanak lelaki Melayu termasuk puak jati Brunei yang berumur di antara 7 hingga 14 tahun dan tinggal dalam lingkungan 2 batu dari Sekolah Melayu diwajibkan bersekolah. Semua Sekolah Melayu menggunakan sistem persekolahan Jepun pada tahun 1942 sehingga Perang Dunia kedua tamat. Pada tahun 1946, sebanyak 24 sekolah Melayu didirikan. Sekolah Persediaan Inggeris mula ditubuhkan di Bandar Brunei pada tahun 1951.

Rancangan Kemajuan Pelajaran yang mengandungi Dasar Pelajaran Pertama Brunei dilancarkan pada tahun 1954. Secara ringkasnya, Dasar Pendidikan 1954 menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu bermula dari umur 6 tahun. Mereka diberi pilihan untuk belajar sama ada di sekolah Melayu, Inggeris, Cina atau vokasional.

Tiga bahasa adalah merupakan aliran pembelajaran dan pada tahun 1956, pelajaran Melayu dan Inggeris diajarkan pada sebelah pagi manakala pelajaran agama diajarkan pada sebelah petang. Sekolah Agama bersistem menggunakan sukatan pelajaran dan buku-buku teks mengikut sistem Sekolah Agama dari negeri Johor.

Dasar Pendidikan Negara 1962 telah menengahkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah di Brunei. Ia bertujuan untuk menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran menjadi satu aliran, iaitu diganti dengan sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Dasar ini juga tidak menghadkan pendidikan kepada anak-anak Melayu sahaja. Walau bagaimanapun, dasar ini tidak dapat dilaksanakan kerana pemberontakan pada tahun 1962 yang menyebabkan kerajaan perlu memfokuskan perhatian kepada memulihkan keamanan dan ketenteraman. Dasar Pendidikan 1972 cuba menonjolkan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Ini adalah untuk memenuhi kehendak perlembagaan yang menjadikan Agama Islam sebagai agama rasmi Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 1984, Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa dilancarkan. Ia adalah penggunaan dua bahasa pengantar dalam pembelajaran di sekolah



iaitu bahasa Inggeris dan Melayu. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pegantar kepada semua mata pelajaran kecuali bahasa Melayu, pengetahuan Ugama Islam, lukisan dan pendidikan jasmani. Tujuan Dasar Pendidikan Dwi-bahasa adalah untuk memperkukuhkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berkonsepkan MIB. Di sinilah bermula pengiktirafan dan kepentingan bahasa Inggeris, ia memberi peluang pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di luar negara kerana kebanyakan institusi pengajian tinggi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Mata pelajaran dalam sains dan teknologi di peringkat sekolah rendah atas, sekolah menengah bawah, sekolah menengah atas, dan pra-universiti semuanya menggunakan bahasa Inggeris.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19 pada 23 Februari 2003 telah bertitah mengenai penyediaan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (*forward looking*). Titah Baginda telah menjadi titik tolak kepada penyediaan dasar Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 kerana Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa tidak dapat memenuhi kehendak negara untuk menghadapi abad ke-21.

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21) telah dilaksanakan sejak tahun 2009, matlamat utamanya adalah untuk memenuhi keperluan cabaran dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi dan sosial di abad ke-21. SPN21 mempunyai matlamat utama untuk mendokong visi Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan pendidikan yang berkualiti ke arah negara yang maju, aman dan sejahtera serta merelisasikan misinya untuk memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kementerian Pendidikan melakukan perubahan kepada: (1) Penyusunan struktur sistem pendidikan; (2) kurikulum dan penilaian dan; (3) transformasi pendidikan teknik. SPN-21 memberi tumpuan kepada pelajar (*student centred*) dan mereka menjadi sasaran utama kurikulum. Bahasa pengantar adalah bahasa Melayu dan Inggeris. Bahasa Melayu adalah mata pelajaran teras dari Tahun 1 - 3, dan Tahun 7 - 11. Mata pelajaran elektif adalah bahasa Arab, Perancis dan Mandarin.

Model kurikulum SPN21 bersikap meluas, seimbang, relevan, responsif, dan berbeza dari sebelumnya iaitu mengikut keperluan pelajar demi memberi peluang untuk mereka terus berada dalam pembelajaran. Sebagai contoh, SPN21 memberi peluang pada pelajar-pelajar untuk mengikuti pendidikan teknik dan vokasional melalui tiga peringkat:

- Sijil kemahiran kebangsaan termasuk 6 bulan penempatan industri (*National Skill Certificate*);
- Diploma termasuk 5 bulan penempatan industri dan;
- Ijazah termasuk 1 tahun penempatan industri.



Sebelum tahun 1950, pendidikan teknik dan vokasional tidak diberikan perhatian kerana belum ramai rakyat Brunei yang pandai membaca dan menulis dalam huruf Rumi. Namun menjelang tahun 1950an, tenaga pengajar dalam bidang ini amat diperlukan. Dasar Pendidikan 1954 menjadikan sekolah vokasional sebagai salah satu pilihan aliran pembelajaran. Selain Dasar Pendidikan 1954, pendidikan teknik dan vokasional juga telah mendapat penekanan dalam Dasar Pendidikan Negara 1962, Dasar Pendidikan 1972, Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa 1984 dan seterusnya dalam SPN21. Pendidikan vokasional bertujuan untuk melahirkan pekerja yang mahir dalam pertukangan manakala pendidikan teknik pula menjurus kepada pekerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknik. Kelayakan untuk kedua peringkat pendidikan ini adalah berbeza.

Menurut sejarah pendidikan teknik dan vokasional, sekolah teknik dan vokasional pertama yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam ialah pada tahun 1950. Sekolah ini adalah kepunyaan Syarikat Minyak Shell Brunei dan ia dikenali dengan nama Pusat Latihan Syarikat Minyak Shell. Setakat ini, 8 institusi pendidikan teknik dan vokasional telah ditubuhkan iaitu Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) pada tahun 1985 (sebelumnya adalah Pusat Latihan Teknik Brunei dan Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rijal), ITB (sekarang dinaik taraf kepada sebuah universiti), Pusat Latihan Mekanik (PLM), Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR), Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah (SVSB), Sekolah Per-dagangan, Sekolah Vokasional Wasan (SVW) dan Politeknik Brunei (PTB). Pihak swasta juga menawarkan pendidikan teknik dan vokasional, ada diantaranya yang telah menawarkan peringkat ijazah sarjana muda seperti *Laksmana College of Business* (LCB) dan *International Graduate Studies* (IGS). Satu perintah Penu-buhan Institut Pendidikan Teknik Brunei (IPTB) sebagai peneraju kepada kema-juan pendidikan teknik dan vokasional di negara ini telah diperkenankan oleh Baginda Sultan pada tahun 2014.

Tahun 2014 juga adalah ulang tahun 100 tahun pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah semasa majlis sambutan Hari Guru kali ke-24 dan 100 Tahun Pendidikan Formal pada 9 Oktober 2014, yang dasar pendidikan selepas kemerdekaan adalah semakin mantap. Baginda bertitah bahawa dasar pendidikan bukan sahaja dapat melahirkan modal insan yang diperlukan, malahan juga berjaya menyatupadukan rakyat dan penduduk dalam satu kesatuan yang kukuh berpaksikan falsafah negara, MIB.

#### *Pendidikan Sains dan Teknologi*

Pendidikan sains dikenalkan di Sekolah Melayu Brunei pada tahun 1918, subjek Sains yang diajarkan ketika itu ialah kebersihan diri (Cator, 1918). Ia bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai penyakit berjangkit seperti batuk kering. Sekolah Inggeris Pertama swasta telah dibuka seawal tahun 1936 dan Sekolah Persediaan Inggeris pada tahun 1951. Pada tahun 1949, buku teks pertama bagi sains adalah "*Nature Study in the Tropics*" yang ditulis oleh Jabatan Pendidikan Malayan (Pretty, 1949) dan tidak diketahui bahasa pengantar guru pada ketika itu. Buku teks seperti "Ilmu Kesehatan" dan "Kitab Hisab II"



digunakan pada tahun 1950 (Pretty, 1950). Maklumat yang diketahui hanyalah guru mula ber-kursus bahasa Inggeris di Pusat Latihan Perguruan Brunei pada tahun 1956. Besar kemungkinan bahasa Inggeris diajar oleh guru-guru yang didatangkan dari Maktab Perguruan yang lain seperti Maktab Latihan Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak, Maktab Perguruan Sultan Idris dan Maktab Perguruan Mala-ya, Kirkby, United Kingdom bagi menampung kekurangan guru terlatih pada ketika itu. Tenaga Pengajar dari luar negeri terutamanya dari Singapura, Malay-sia, Filipina, Sri Lanka, India, Australia dan United Kingdom hanya didatangkan pada tahun 1951 ketika Sekolah Persediaan Inggeris dimulakan. Pada tahun 1958, guru-guru aliran Inggeris tempatan juga di hantar ke Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan untuk menjalani kursus perguruan. Nama Maktab Perguruan Melayu Brunei diubah kepada Maktab Perguruan Brunei pada tahun 1964.

Pada tahun 1957, pelajaran sains tulen iaitu kimia, fizik dan sains hayat dikenalkan dan dikembangmajukan hingga sekarang. Bahasa pengantarnya adalah bahasa Inggeris. Sejarah pendidikan sains dan teknologi di Negara Brunei Darussalam menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dari mula lagi pengenalannya dalam kurikulum pendidikan. Latihan penggunaan bahasa Inggeris akan mempersiapkan pelajar tingkatan enam atau prauniversiti di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien untuk melanjutkan pengajian keluar negeri.

Peluang untuk belajar keluar negeri agak terhad setelah UBD ditubuhkan pada tahun 1985. Sebelum itu, graduan dari prauniversiti akan di hantar keluar negara dan pemohon biasiswa Kerajaan menghendaki setaip pemohon untuk lulus dalam bahasa Melayu diperingkat "O".

### **Institusi Pengajian Tinggi Awam**

Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi bermula dengan UBD pada tahun 1985, ITB pada tahun 1986, dan dinaik taraf kepada sebuah universiti pada tahun 2008, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2007, Kolej Universiti Pengajian Ugama Seri Begawan (KUPUSB) pada tahun 2008 dan Politeknik Brunei (PTB) pada tahun 2012.

Semua institusi pengajian tinggi ini adalah berbeza dalam pengkhususan dan bahasa pengantarnya. UBD menggunakan dua aliran iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Semua bahasa pengantar termasuk bidang sains dalam program ijazah sarjana aliran Inggeris hingga peringkat pasca ijazah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar: ITB menggunakan bahasa Inggeris, UNISSA menggunakan bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, manakala KUPUSB menggunakan bahasa Melayu dan Arab dan PTB menggunakan bahasa Inggeris sahaja. Walaubagaimanapun, modul MIB diajarkan sebagai kursus wajib universitihanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pelajar-pelajar yang masuk ke institusi pengajian tinggi awam tempatan seperti UBD dan ITB mempunyai latar belakang pembelajaran mata pelajaran Sains dan Teknologi dalam bahasa Inggeris sejak di sekolah rendah lagi. Ini



berbeza dengan pelajar-pelajar di negara lain seperti Indonesia, Thailand, Jepund Korea dimana mereka memakai bahasa mereka untuk dua mata pelajaran tersebut sejak di bangku sekolah lagi. Sebelum tahun 1985, pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan peringkat "A" di hantar ke luar negara untuk menyambung pengajian mereka di peringkat program ijazah sarjana muda. Mereka yang dari aliran Inggeris di hantar ke United Kingdom, aliran Melayu di hantar ke Malaysia dan aliran Arab di hantar ke Mesir. Walau bagaimanapun, biasiswa Kementerian Pendidikan untuk belajar di luar negara masih diteruskan sehingga sekarang tetapi kriteria pemilihan semakin selektif. Selain Kementerian Pendidikan, Jaba-tan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) juga menawarkan biasiswa kepada pelajar untuk belajar ke institusi pengajian tinggi swasta tempatan. Sekarang kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi meningkat kepada 19% dan bidang yang mereka pelajari adalah pengkomputeran dan perdagangan. Bahasa pengantarnya adalah bahasa Inggeris.

#### *Institut Teknologi Brunei (ITB)*

ITB ditubuhkan pada 16 Januari 1986 dan merupakan institusi pengajian tinggi yang kedua selepas UBD. Penaikan tarafnya kepada sebuah universiti telah dititahkan oleh Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Oktober 2008, sempena Sambutan Hari Guru ke-18:

"Sesuai dengan perkembangan, Beta telah memperkenankan bagi Institut Teknologi Brunei dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti dengan mengekalkan namanya sebagai ITB"

Pada awal penubuhannya, ITB menawarkan program peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan atau *Higher National Diploma* dalam bidang kejuruteraan, pengkomputeran dan perdagangan. Sekarang, ITB hanya menawarkan program ijazah sarjana muda dan pascaijazah dalam ketiga bidang tersebut. Semua program Diploma dipindah ke PTB. Bahasa pengantar adalah bahasa Inggeris kecuali MIB dan mata pelajaran Ugama Islam.

Satu perkara yang berbeza dengan institusi pengajian tinggi yang lain ialah pengeluaran graduan diploma tertinggi kebangsaan yang berkemahiran tinggi kerana kurikulum "*hands on*" yang diajarkan. Kurikulum ini akan terus dikekalkan dalam peringkat ijazah sarjana muda.

Kedua ialah penganjuran Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota yang diadakan sejak tahun 2005. CIPTA adalah sebutan ringkas kepada "*Creative, Innovative Product and Technological Advancement*." Pada 14 Mac 2015, Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota telah menyambut ulang tahunnya yang ke-10. Sejak penubuhannya, penerangan produk termasuk abstrak adalah dalam bahasa Inggeris. Pereka cipta akan memberi penerangan di hadapan hakim dalam menggunakan bahasa Inggeris. Matlamat Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota bukan sahaja dihadkan untuk pertandingan pereka cipta tempatan tetapi untuk dikembangluaskan ke arena antara-





bangsa. Pada pertandingan kali ke-6 ini, pertandingan disasarkan ke negara-negara ASEAN. Ini menguatkan lagi penggunaan bahasa perantaraan iaitu bahasa Inggeris dalam Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota sebagai bahasa "*lingua franca*." Walaupun, Acara Majlis dikelolakan dalam bahasa Melayu tetapi percetakan program adalah dalam bahasa Inggeris. Abstrak yang di hantar oleh pereka cipta tidak mudah untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Hanya penulis/pereka cipta sahaja yang tahu disebalik produk mereka. Disinilah terbitnyakesukaran menggunakan bahasa Melayu terutama didalam bidang Sains dan Teknologi. Jika tidak diterjemahkan dengan betul, maka akan merosakkan erti sebenar yang dihasratkan oleh penulis asal.

### **Pengaruh Bahasa Inggeris**

Menurut Rymer (2012), setengah dari 7,000 bahasa yang terdapat di dunia ini akan dijangka pupus pada abad yang akan datang dan kesannya akan ketara dalam masyarakat yang kecil jumlah penduduknya. Penutur asli terutama yang muda akan meninggalkan bahasa mereka kepada bahasa yang bersifat global seperti bahasa Inggeris, Mandarin dan Sepanyol. Beberapa dekad yang lalu telah menyaksikan pertumbuhan dalam peranan bahasa Inggeris di seluruh dunia, sebagai "*lingua franca*" untuk pertukaran ekonomi, saintifik dan politik (Wu and Ben-Canaan, 2006). Peningkatan pertumbuhan dalam penggunaan bahasa Inggeris telah dikaitkan dengan pendidikan, ekonomi atau kebudayaan di peringkat global (Wu and Ben-Canaan, 2006). Penyebaran bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa telah dibantu dengan kemunculan internet sebagai saluran komunikasi pantas yang merentas sempadan. Hasil daripada revolusi teknologi maklumat, terdapat perubahan dalam amalan membaca dari kertas ke skrin (Reinking, 1998; Snyder, 1998). Peralihan ini adalah lebih cenderung untuk berlaku terutama di kalangan generasi muda yang membesar dengan komputer (Tapscott, 1998). Walau bagaimanapun, teknologi global juga berperanan membawa kepada evolusi bahasa singkatan yang muncul dalam komunikasi individu. Dari itu, adalah perlu untuk memastikan bahawa penggunaan bahasa tidak lari dari makna asal.

Bahasa Inggeris adalah "*lingua franca*" bagi universiti-universiti di dunia, yang mempunyai beberapa aliran bahasa yang digunakan untuk bahasa pengantar. Bahasa Inggeris telah menyatupadukan para ilmuan di merata dunia melalui persidangan, seminar dan bengkel. Begitu juga dengan persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan, semuanya adalah disampaikan dalam bahasa Inggeris.

Lazimnya perkataan Inggeris dipinjam ke dalam bahasa Melayu apabila tiada perkataan khusus untuk merujuk kepadanya. Contoh perkataan sains dan teknologi adalah inovasi (*innovation*), elektronik (*electronic*), komputer (*computer*), mekanikal (*mechanical*) dan multimedia (*multimedia*). Tidak disangkal lagi bahawa kemasukan perkataan Inggeris ke dalam bahasa Melayu adalah terlalu banyak sehinggakan ada yang mengganti perkataan yang telah wujud seperti perkataan komunikasi (*communication*) yang padanan Melayunya adalah perhubungan. Penggunaan perkataan Inggeris yang diMelayukan adalah berlelu-



asa di media massa. Penyebarannya melalui media elektronik dan sosial memburukkan lagi keadaan. Begitu juga dengan penggunaan *google translate*, terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan sebaliknya. Terjemahannya adalah kurang tepat dan individu yang kurang fasih dalam bahasa Melayu akan menghadapi kesukaran.

### **Peranan dan Cabaran Institusi Pengajian Tinggi Awam**

Wawasan 2035 dihasratkan untuk menjadikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Matlamat Sistem pendidikan negara adalah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dan membuka peluang untuk semua. Sistem pendidikan telah mengambil kira perkara-perkara berikut ia itu:

- Cabaran global yang sentiasa berubah;
- Saling berdaya saing;
- Ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan serta;
- Pembelajaran sepanjang hayat.

Walaupun ledakan teknologi dan globalisasi mempengaruhi cara penyampaian maklumat, pembelajaran masih lagi mengekalkan nilai-nilai murni dan pembangunan kemahiran insaniah.

Peranan institusi pengajian tinggi semakin mencabar, ia bukan sahaja dilihat sebagai gedung ilmu untuk melahirkan jumlah tenaga pekerja bagi negara, malah mempunyai tanggungjawab besar dalam menentukan graduan mereka mempunyai kualiti pasaran kerja tempatan dan global. Mereka juga dipastikan akan mempunyai sifat kepimpinan dan keusahawanan, yang tidak bergantung kepada pekerjaan dari Kerajaan semata-mata. Generasi ini tidak hanya dilihat sebagai pencari pekerjaan malah pembekal pekerjaan.

Tugas institusi pengajian tinggi bukan sahaja memberi pendidikan malah menjalankan penyelidikan. Masa hadapan institusi pengajian tinggi sering kali dibahas terutama sekali mengenai kewujudannya dalam abad ke-21. Sama ada pendidikan universiti akan terus dilihat sebagai suatu yang berfaedah adalah bergantung kepada nilai-nilai tambah yang disediakan oleh universiti untuk membangun profil program ijazah sarjanamudayang ditawarkan.

Ledakan teknologi maklumat dan globalisasi memberi kesan kepada cara pembelajaran, kemunculan *Massive Open Online Courses* atau *MOOC* menyediakan pendidikan yang lebih meluas, mendalam dan menarik. Ia tidak mengenakan bayaran dan dibuka kepada semua yang berminat untuk belajar. Kebanyakan bahan ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dewasa ini, banyak kursus dari internet yang boleh diikuti dengan percuma. Sijil dari kursus-kursus singkat ini akan memberi nilai tambah dan kelebihan kepada kelayakan yang sedia ada.



Ledakan teknologi juga memerlukan institusi pengajian tinggi berubah dari segipedagogi pembelajaran kepada *learner's centric*. Semua perubahan yang terjadi di institusi pengajian tinggi memberi tekanan kepada penggunaan bahasa Melayu. Kita sudah sedia maklum bahawa kepetahan dalam bahasa lain selain bahasa Melayu adalah satu kelebihan. Kebanyakan rakyat dan penduduk Brunei Darussalam boleh menulis dan bercakap bahasa Inggeris dengan baik. Kursus yang berteraskan teknologi adalah lebih mencabar kerana asas pengetahuan, makalahilmuan sains dan teknologi adalah dari Barat, penulisan buku teks juga adalah dalam bahasa Inggeris.

Perubahan lanskap institusi pengajian tinggi ke arah amalan terbaik dan berdaya saing antara universiti dalam tangga global akan menghadkan penggunaan bahasa Melayu. Sebagai contoh, ITB yang mempunyai aspirasi dan visi untuk menjadi diantara sepuluh universiti kejuruteraan dan teknologi yang terbaik di Asia Tenggara menjelang tahun 2018. Untuk mencapai visi tersebut, ITB ada empat cita-cita:

- Memiliki pelajar 360 darjah iaitu pelajar yang holistik, mempunyai tanggungjawab sosial, boleh dipasarkan dan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) yang kuat;
- Cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penglibatan dalam masyarakat;
- Perkongsian strategik, tidak mengira batas untuk bekerjasama;
- Kampus yang bertenaga dimana budaya pembelajaran yang pelbagai dan persekitaran yang merangsang.

Manakala bidang tumpuan strategik ITB adalah pengajaran dan pembelajaran, kecemerlangan dalam penyelidikan dan penglibatan dalam masyarakat.

Semakan senarai amalan terbaik institusi pengajian tinggi pada peringkat global adalah perlu bagi ITB mencapai visi tersebut, yang mana diantaranya adalah perakuan akreditasi daripada badan profesional, pengambilan staf akademik yang berkaliber tinggi, penyelidikan bersama rakan kongsi dari universiti terkemuka dan penarikan pelajar pasca ijazah. Semua ini memerlukan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kalau dilihat sejarah ITB daripada halaman yang sebelumnya, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sudah bermula sejak penubuhannya. Kini ia digunakan pada semua program ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Perdagangan. Menerapkan dan memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu dalam institusi pengajian tinggi awam yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah terhad. Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, bahasa Melayu masih digunakan oleh kursus tertentu seperti MIB dan mata pelajaran Ugama.

Kejayaan UBD melangkah masuk dalam anak tangga 171-180 QS (*Quacquarelli Symonds*) Asia pada tahun 2014 memberi semangat kepada institusi pengajian tinggi awam yang lain untuk berusaha ke arah itu. Ia adalah satu pengiktirafan kepada UBD dan meletakkannya bersama yang terbaik di Asia.



## Cadangan Untuk Memperkasa Bahasa Melayu

Kalau dilihat negara-negara yang bukan dalam kelompok alam Melayu seperti Thailand, Jepun dan Republik Korea, mereka berjaya memperkasa bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi dan mereka masih dapat berdaya saing dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai contoh, Republik Korea diiktiraf sebagai negara yang paling inovatif oleh Bloomberg (OECD, 2014) dan negara paling intensif dalam penyelidikan dan perkembangan (Lu dan Chan, 2014). Ini menunjukkan bahawa bahasa sebenarnya bukanlah penghalang bagi satu bangsa itu untuk maju.

Negara Thailand tidak pernah dijelajah oleh mana-mana kerajaan dan mereka berjaya menggunakan bahasa Thai dalam pendidikan. Semua buku teks dalam sains dan teknologi ditulis dalam bahasa mereka. Negara Brunei Darussalam ada sejarah dengan pencerobohan askar Jepun dan pendidikan Jepun dikenalkan sehingga perang tamat. Sebelum merdeka pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam adalah di bawah naungan Kerajaan British (*British Protectorate State*). Mungkin kehadiran British telah memberi kesan kepada penggunaan bahasa Inggeris kepada pendidikan negara.

Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah membentuk hala tuju pendidikan termasuk aliran bahasa yang digunakan. Memperkukuh bahasa Melayu masih boleh dibuat melalui mata pelajaran Bahasa Melayu dan aktiviti-aktiviti sekolah yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu harus digalakkan.

Begitu juga menerapkan dan memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu dalam institusi pengajian tinggi awam yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah terhad. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu masih digunakan dalam kursus tertentu seperti MIB dan juga digunakan sepenuhnya didalam program ijazah Sarjana Muda aliran Melayu dan Ugama. Selain perisian program ijazah aliran Melayu melalui alat teknologi, institusi pengajian tinggi awam tempatan masih boleh memperluaskan peranan bahasa Melayu melalui dasar peraturan dalamannya seperti mewajibkan abstrak tesis ditulis dalam bahasa Melayu dan disimpan dalam bentuk media elektronik di perpustakaan atau sebahagian dari pertukaran ilmiah di antara perpustakaan di rantau ini. Penulisan abstrak didalam bahasa Melayu disamping bahasa Inggeris bukanlah suatu yang baru, malah telah diamalkan oleh universiti-universiti di Malaysia. Manakala diluar kurikulum pula, aktiviti bersama dengan DBP untuk membudayakan bahasa Melayu boleh dianjurkan seperti perdebatan sains semasa, sudut pemidato sains, pertandingan reka cipta, kelab bahasa Melayu Sains dan Teknologi, dan kursus pilihan bahasa Melayu (elektif) bagi pelajar Sains dan Teknologi.

Akademi Pengajian Brunei di UBD mungkin dapat memainkan peranan penting dalam memperkukuh peranan bahasa Melayu kerana ia adalah satu-satu



pusat yang menawarkan ijazah muda sarjana pengajian Brunei dalam bahasa Melayu. Akademi ini boleh menjadi tumpuan untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi. Mungkin pada satu ketika nanti, Akademi ini akan memperkembangluaskan program ijazah sarjana muda kepada yang merangkumi sains, teknologi dan inovasi.

## **Penutup**

Makalah ini telah membicarakan Pendidikan formal Negara Brunei Darussalam termasuk sejarah penggunaan bahasa Melayu, pendidikan Sains dan Teknologi, institusi pengajian tinggi awam, ITB, pengaruh bahasa Inggeris, peranan dan cabaran institusi pengajian tinggi awam tempatan serta cadangan untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi.

Walaupun dasar pendidikan menempatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dalam kurikulum pembelajaran, bahasa Melayu masih dapat diperkukuhkan melalui teknologi maklumat serta aktiviti-aktiviti pembudayaan bersama DBP. Dasar peraturan dalaman institusi-institusi pengajian tinggi boleh menimbangkan penulisan abstrak tesis dalam bahasa Melayu. Perpustakaan akan menyimpan koleksi abstrak bagi tujuan penyelidikan dan pertukaran ilmiah. Manakala, peranan Akademi Pengajian Brunei boleh dikembangmajukan dengan menawarkan program sarjana muda dalam bidang yang merangkumi sains, teknologi dan inovasi. Teknologi maklumat boleh digunakan sebagai alat untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu.



## Bibliografi

Cator, G.E. 1918. Report of the State of Brunei Federated Malay States Government Printing Office, Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 4 Disember 2004, Jilid 4, Bil.4, Halaman: 705-723.

Haji Mohamad Yusop Haji Awg Damit, Haji Awang Asbol Mail dan Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji tengah, 2014, Evolusi dan Transformasi, Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Kementerian Pendidikan.

[http://e.n.wikipedia.org/wiki/bahasa\\_melayu](http://e.n.wikipedia.org/wiki/bahasa_melayu)

Kamus Dewan, 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Nik Safiah Karim dan lain lain, 2006, Tatabahasa Dewan, edisi Baharu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

OECD Science, Technology and Industry Outlook 2014.

Pameran Raja Pengasas Pendidikan Sepanjang Hayat Menjamin Kesejahteraan Rakyat Sempena 100 Tahun Pendidikan Formal di Negara Brunei Darussalam anjuran Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Zulhijjah 1435 bersamaan 9 Oktober 2014.

Pretty, E.E.F. 1949. Annual Report for Brunei for the year 1949.

Pretty, E.E.F. 1950. Annual Report for the year 1950. Malay Union Government Press, Singapore.

Reinking, D. (Ed.). 1998. Handbook of literacy and technology: Transformations in a post-typographic world. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Ymer, R. 2012. Vanishing voices. National Geographic, July 2012, 60-93.

Snyder, I. (ED). 1998. From page to screen. Routledge, London.

Tapscott, D. 1998. Growing up digital: The rise of the net generation, McGraw-Hill, New York.

Wei Lu dan Marcus Chan 2014. 30 most innovative countries. Bloomberg Business, 23 January 2014.

Wu Li dan D Ben Canaan, 2006, The impact of globalization and the internet on English language teaching and learning. School of Western Studies, Heilongjiang University, Harbin.

Zohrah Haji Sulaiman. 1996. The development of science education in Negara Brunei Darussalam. Science and Mathematics Education 10, 12-16.

Zohrah Haji Sulaiman. 2015. Advancement of higher education in Brunei Darussalam. QS Showcase 2015: Asian Country Features, 56-66.



